
kelemahan cara belajar

Posted by kenzo005 - 2009/04/06 18:43

ada sape2 yg tahu cara nk belajar dengan minat????

n care2 nk belajar

:laugh: <http://skorbestari.com/images/fbfiles/images/27a6290873a4f618.jpg>

Re:kelemahan cara belajar

Posted by mrlee - 2009/04/09 10:14

minat belajar kenalah dipupuk perlahan-lahan.. biasanya minat tersebut boleh dipupuk dengan membuat kerja tersebut berulang-ulang..

contoh yang paling senang, kalau kita tak minat subjek addmaths dan merasakan addmaths sgt susah, apa yang boleh kita lakukan ialah berulang-ulang kita buat latihan yang sama kemudian cuba buat latihan yang mirip dengan soalan yang kita cuba tadi, if kita dpt menjawabnya, maka timbullah confident dan minat terhadap addmath.. di samping itu, pemahaman konsep addmaths adalah sgt penting.. cara yang salah biasanya pelajar buat ialah menghafal addmath.. sekiranya menghafal, yang tidak baiknya if soalan diputarbelitkan, maka pelajar akan sukar yang menjawabnya..

jadi, biasanya dlm kelas addmath, saya akan memahamkan pelajar berkaitan konsep sesuatu chapter tersebut.. selain pemahaman konsep, teknik menjawab soalan juga penting.. pelajar biasanya byk buang masa terhadap jalan kerja yang tidak diperlukan, jadi alasan yang biasa diterima apabila gagal addmath ialah "tak cukup masa".. selain itu juga, pelajar biasa melakukan careless mistake yang kadang-kadang menyebabkan pelajar hilang markah.. sedih sekiranya pelajar faham, tetapi kecuaiannya menyebabkan pelajar gagal..

jadi, kesimpulannya, pelajar kenalah faham konsep dan teknik menjawab soalan. yang paling penting, banyak buat latihan. practice make perfect!!!

harap dpt membantu qayyum dan rakan2..:)

Re:kelemahan cara belajar

Posted by kenzo005 - 2009/04/12 20:50

thankz

Re:kelemahan cara belajar

Posted by syah_pisces - 2009/04/15 23:49

sy stuju ngn mr.lee. Tp yg penting di sini minat perlu dipupuk.. Mind setting penting..

for example, kebanyakan org kalo main computer game mesti try sampai menang.. selagi tak menang selagi 2 la mneghadap pc..

kalo la perasaan excited masa main game 2 boleh dpraktikkan masa blajar mmg seronok.. tak dpt cuba lg..

kalo main biasanya tak bosan.. sebab apa..? minat yg mdalam(mind setting)..)

selagi tak berjaya selagi 2 la berusaha.. nak seribu daya, hendak seribu cara.. :laugh: (biasanya subjek yg berkaitan konsep @ maths)

kalo subjek yg berbt fakta boleh gunakan teknik akronim..

Re:kelemahan cara belajar

Posted by mrlee - 2009/04/23 13:24

cikgu sitti,

leh terangkan apa tu teknik akronim? sharelah kat cni..

=====

Re:kelemahan cara belajar

Posted by kenzo005 - 2009/04/24 19:51

ye la cikgu
kongsi la
]:woohoo:

=====

Re:kelemahan cara belajar

Posted by ochi_asaoka - 2009/04/28 12:23

Cikgu Sitti, bagi pihak ye...

Nemoniks atau akronim:
Misalnya:

BaFIA = Baca, Faham, Ingat, Aplikasi

Cara begini dipanggil nemoniks, iaitu kunci yang mengaitkan sesuatu benda untuk ingatan.

Huruf mula setiap itu adalah BaFIA iaitu Baca, Faham, Ingat, Aplikasi. Kata BaFIA kalau dibunyikan, menjadi satu bunyi yang boleh diingat.

salah satu contoh akronim lain ialah MARA, Majlis Amanah Rakyat.

-selamat mencuba-

=====